



13 Oktober 2021  
13 October 2021  
P.U. (A) 394

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PENGEQUALIAN) 2021

*PESTICIDES (EXEMPTION) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENGECUALIAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 59 Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [*Akta 149*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Racun Makhluk Perosak (Pengecualian) 2021**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 15 Oktober 2021 hingga 31 Oktober 2022.

**Pengecualian**

2. Tertakluk pada perenggan 3, Menteri mengecualikan Sumisaujana TCM Chemicals Sdn. Bhd. (Nombor Pendaftaran Syarikat: 201001023293 (907064-U)) berhubung dengan sesuatu racun makhluk perosak yang mengandungi *dimethyl disulfide* sebagai perawis aktifnya daripada—

- (a) kehendak untuk mendaftarkan racun makhluk perosak itu di bawah seksyen 7 Akta;
- (b) larangan di bawah perenggan 13(1)(b) Akta bagi maksud pengimportan racun makhluk perosak itu; dan
- (c) kehendak bagi suatu lesen untuk menjual atau menyimpan untuk jualan racun makhluk perosak itu di bawah seksyen 17 Akta.